

**TEKS UCAPAN
Y.BHG. PROF. DATUK WIRA DR. RAHA ABDUL RAHIM
NAIB CANSOLOR
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

MAJLIS PERASMIAN NOMBOR PLAT EKSKLUSIF UTEM

1 JANUARI 2021, 10.00 am

Canselori

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam
Sejahtera

**Yang Amat Dikasihi, Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia
(Dr.) Hj Mohd Ali bin Mohd Rustam**

Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Bersempenana pagi Jumaat yang penuh barakah, di bulan dan tahun baru 2021 pada hari ini, saya mewakili seluruh warga Universiti Teknikal Malaysia Melaka mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas kesudian Tuan Yang Terutama Tun Canselor kerana dapat meluangkan masa bersama-sama kami di pagi ini, bersempena Majlis Peerasmian Nombor Plat Eksklusif UTeM. Kami juga mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Tuan Yang Terutama Tun di atas sokongan berterusan yang diberikan kepada UTeM

khususnya dalam menjayakan inisiatif penjanaaan pedapatan Universiti ini. Saya percaya di bawah kepimpinan Tuan Yang Terutama Tun, matlamat dan misi UTeM akan dapat terus disuburkan, dan terus mencapai kejayaan yang lebih cemerlang dan gemilang.

Tuan Yang Terutama Tun Canselor, mohon diizinkan saya untuk menyampaikan ucapan kepada hadirin yang saya hormati.

Yang Berbahagia Datuk Dr. Sabirin bin Ja'afar

Pro Canselor UTeM

**Yang Amat Berhormat Datuk Seri Utama (Dr.) Haji Sulaiman bin
Md Ali.**

Ketua Menteri Melaka

Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Hasim bin Hasan

Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka

Yang Berbahagia Academician Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali
Pengerusi Lembaga Pengarah UTeM

Ahli-Ahli Lembaga Pengarah UTeM, Pegawai-Pegawai Kanan
Universiti, Rakan Media, hadirin hadirat yang dihormati sekalian.

1. Alhamdulillah, saya merafa'kan setinggi-tinggi kersyukuran kehadiran Allah SWT kerana dengan rahmat dan izin-Nya pada pagi ini, kita dapat bersama dalam Majlis Perasmian Nombor Plat Eksklusif UTEM.
2. Pertama sekali, bagi pihak Universiti Teknikal Malaysia Melaka, saya mengalu-alukan kehadiran semua tetamu yang sudi meluangkan masa untuk hadir bersama ke majlis

bersejarah hari ini, walaupun diadakan pada hari cuti umum bersempena Tahun Baru 2021.

3. Sebagai makluman semua, pihak Jabatan Pengangkutan Jalan telah meluluskan penggunaan nama Universiti Awam sebagai Nombor Pendaftaran Khas Kenderaan bagi nombor pendaftaran yang bermula dari angka 1 sehingga 9999, dengan hanya satu siri sahaja bagi setiap Universiti Awam Malaysia.

4. Memandangkan nombor pendaftaran kenderaan yang dibenarkan oleh JPJ adalah dengan menggunakan nama ringkas Universiti, dan sepenuhnya berhuruf besar, maka akronim UTeM dengan penggunaan 'e' berhuruf kecil tidaklah boleh diaplikasikan.
5. Walaupun bagaimanapun, akronim UTeM dengan penggunaan huruf besar sepenuhnya, tetap membawa maksud yang sama iaitu Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

Hadirin dan hadirat sekalian,

6. Penjualan Nombor Plat Eksklusif UTEM merupakan salah satu inisiatif penjanaan pendapatan bagi membantu Universiti dalam menambah pendapatan Universiti secara keseluruhan terutamanya dalam penyelidikan dan pembangunan Universiti.

7. Inisiatif penjanaan ini juga amatlah bertepatan dengan keadaan semasa UTeM, yang mana pada suku ketiga tahun ini, Universiti telah menerima pengurangan bajet mengurus semasa sebanyak 56%, dan bagi suku keempat pula, UTeM turut menerima pengurangan sebanyak 9% daripada permohonan Universiti.

8. Melalui penjualan Nombor Plat Eksklusif UTEM, diharapkan ianya dapat membantu dan menyokong kelestarian bajet mengurus Universiti, supaya pengurusan dan pengoperasian Universiti berjalan dengan lancar. Selain itu, penjualan nombor plat ini juga merupakan salah satu usaha Universiti untuk mempromosi dan meningkatkan lagi visibiliti UTeM kepada masyarakat luar.

Hadirin dan hadirat sekalian,

9. Majlis Pemakluman Bidaan Nombor Plat Eksklusif UTEM telah diadakan pada 8 Disember 2020, dan sesi bidaan pertama UTeM telah dibuka bermula 9 Disember 2020 sehingga 14 Disember 2020 untuk kategori nombor silver dan bronze. Alhamdulillah, sehingga hari ini **sebanyak xxxx** nombor plat eksklusif UTeM dalam kategori ini telah terjual.

10. Bagi sesi bidaan kategori Platinum, Diamond dan Gold pula akan bermula pada 2 Januari 2021, iaitu esok sehingga 7 Januari 2021, melalui sistem ebida UTeM di laman khas iaitu ebida.utem.edu.my.
11. Sebagai makluman tuan-tuan dan puan-puan sekalian, tawaran bidaan adalah terbuka kepada semua pihak termasuk industri, agensi kerajaan, Alumni UTeM, staf, pelajar dan seluruh masyarakat umum yang berminat.

12.Justeru, saya mengharapkan orang ramai yang berminat dapat melaksanakan bidaan harga sebaik-baiknya supaya Nombor Plat Eksklusif UTEM yang diidamkan menjadi hak milik tuan-tuan dan puan-puan.

Hadirin dan hadirat sekalian,

13.Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin mengajak seluruh pihak dan seluruh masyarakat mengambil peluang terbaik ini untuk memiliki nombor pendaftaran universiti yang pada

julung kalinya dijual kepada umum, selain turut bersama-sama mempromosi dan menghebahkan berita baik tentang penjualan nombor plat eksekutif UTeM ini dengan lebih meluas, yang secara langsung dapat membantu dalam penjanaaan pendapatan kepada Universiti ini.

14.Akhir kata, saya merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan penjualan Nombor Plat

Eksklusif UTEM. Semoga inisiatif dan usaha kita bersama ini mendapat keberkatan Illahi.

Terukir indah hiasan singgasana,
Dihiasi jambangan bunga melati,
Sokongan Tuan Puan begitu bermakna,
Melestari penjanaan, memakmur Universiti

Tuan Yang Terutama Tun Canselor,

Sekian sahaja ucapan saya. Akhir kata, sekali lagi saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Tuan Yang Terutama Tun Canselor di atas kesudian hadir ke majlis pada pagi ini. Sesungguhnya kehadiran Tuan Yang Terutama Tun Canselor, begitu besar ertinya buat kami semua.

Saya sudah ucapkan dengan Wabillahitaufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.